

Sila susun urutan sinopsis Tawanan Komander Caucasus dengan tepat.

Bil	Sinopsis	Urutan
1	Dara Merah telah menyamar sebagai Dara Bintik. Dia menawarkan diri untuk membawa minuman kepada Maharaja Caucasus. Maharaja meminta Dara Merah meminum terlebih dahulu minuman tersebut, tetapi dia Berjaya memujuk Caucasus. Selepas sahaja Caucasus meminum minuman tersebut, dia menjadi lemah. Caucasus Berjaya dikalahkan. Farhani dan Kim Yong segera membebaskan rakan-rakannya. Kemudian mereka keluar melalui terowong dengan memakai topeng kerana tentera Caucasus sedang mengejar mereka. Dara Bintik mengetuai tentera tersebut. Mereka Berjaya dikalahkan dengan simbah cecair Endosulfan.	
2	Kumbang yang menangkap Farhani dan Kim Yong memperkenalkan diri sebagai Dara Merah. Dia sedang berusaha untuk menyelamatkan Puteri Coleoptera. Dia menyatakan bahawa Dara Bintik ialah pembelot. Jadi Dara Merah meminta bantuan Farhani dan Kim Yong untuk menyelamatkan puteri. Farhani menunjukkan cecair yang dicirikan oleh Haikal. Cecair itu akan digunakan untuk mengalahkan Caucasus.	
3	Kepulangan Farhani disambut dengan dakapan ibunya. Berita kepulangan mereka berlima tersebar ke seluruh Negara. Mereka tidak menceritakan pengalaman sebenar mereka bersama dengan masyarakat kumbang. Kim Yong mahu segera pulang ke rumahnya untuk membebaskan kumbang yang dikurung di zoo mini miliknya.	
4	Semua tawanan daripada spesies kumbang dipenjarakan oleh Maharaja Caucasus kerana Farhani dan Kim Yong telah terlepas. Maharaja Caucasus mengarahkan tenteranya agar mencari Farhani dan Kim Yong. Sementara itu, Farhani dan Kim Yong telah dicengkam oleh seekor kumbang lalu diheret ke dalam semak. Justeru tentera Caucasus tidak dapat menemui mereka.	
5	Farhani dan kawan-kawannya pulang ke rumah masing-masing dan mendapati keluarga mereka sedang bersedih kerana kehilangan mereka selama 2 minggu. Malangnya, kepulangan mereka tidak disedari kerana mereka menjadi halimunan setelah memakan buah yang mempunyai serum. Untuk kembali kepada asal mereka perlu mengambil vaksin penawar. Namun vaksin tersebut belum dibuat percubaan. Mereka memberanikan diri untuk mencuba vaksin tersebut.	
6	Farhani dan sahabatnya telah menyaksikan pertabalan Puteri Coleoptera sebagai raja. Mereka telah menerima anugerah kebesaran kerajaan kumbang yang diperbuat daripada perak. Bara dilantik menjadi penasihat kerajaan dan Dara Merah dilantik sebagai komander tentera. Setelah selesai, mereka semua dihantar ke gerbang maya oleh Bara dan Dara Merah. Pengalaman dikurung oleh masyarakat kumbang menginsafkan mereka. Kim Yong berazam untuk membebaskan semua kumbang yang di taman mini miliknya. Sebaik tiba di rumah kayu using itu, hadiah yang mereka peroleh bertukar menjadi serbuk putih perak.	